

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN CHE ALIAS BIN HAMID [KEMAMAN] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan tindakan yang diambil secara tidak langsung impak negatif COVID-19 terhadap alam sekitar terutama peningkatan penggunaan plastik domestik.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Kementerian Alam Sekitar dan Air amat sedar ketika berlakunya Pandemik Covid 19 di Negara ini, terdapat sedikit sebanyak impak kepada peningkatan penggunaan plastik sekali guna di dua sektor iaitu;

- (i) penggunaan plastik sekali guna di sektor penghantaran makanan ke rumah-rumah oleh perkhidmatan makanan dalam talian seperti Food Grab atau Food Panda, penggunaan plastik di pasar-pasar basar dan pasaraya-pasaraya; serta
- (ii) penggunaan plastik di sektor perubatan seperti pakaian pakai buang pelindung diri (*personal protective equipment - PPE*).

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

2. Barang-barang buangan seperti plastik domestik sekali guna oleh ;
 - (i). Sektor penghantaran makanan dalam talian ;
 - (ii). Plastik digunakan di premis pasar basah dan pasaraya ;
 - (iii). Pejabat, Kilang dan seumpamanya ;
3. Yang digunakan bagi tujuan pembungkusan dan perlindungan diri daripada jangkitan Pandamik COVID-19, adalah di kategorikan sebagai buangan domestik.
4. Buangan ini dilupuskan sebagai buangan domestik (sisa pepejal) yang di uruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan di bawah bidang-kuasa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
5. Manakala untuk Pelupusan Sisa Klinikal pula, Kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia, telah melantik beberapa Syarikat dan Kontraktor untuk menguruskan kutipan, pengangkutan, rawatan dan pelupusan akhir sisa buangan klinikal tersebut.
6. Kesemua Syarikat dan Kontraktor ini telah dikenal-pasti mempunyai kemudahan seperti ;
 - (i) Teknologi *incinerator* (pelupusan akhir);
 - (ii) Microwave dan Ozonator (teknoloji pra-rawatan); dan
 - (iii) Kemudahan tapak pelupusan yang selamat (pelupusan akhir) bagi merawat sisa buangan klinikal tersebut.
7. Syarikat dan Kontraktor ini di lesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.
8. Oleh yang demikian, Kementerian amat sedar ada peningkatan penggunaan plastik domestik ketika berlakunya Pandemik COVID 19 ini.
9. Tindakan yang di ambil oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air mengenai isu peningkatan penggunaan plastik ini adalah ;

NO. SOALAN : 19

- (i). KASA akan meneruskan kerjasama dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam menangani Isu Pengurusan Sisa Plastik secara umum ;
- (ii). KASA akan terus mengadakan perbincangan dengan pemain-pemain Industri Sektor Perniagaan dan Peruncitan, untuk mencari kaedah serta inisiatif terbaik bagi mengurangkan penggunaan plastik sekali guna domestik ;
- (iii). KASA juga sedang membangunkan Pelan Hala Tuju Ekonomi Kitaran Plastik, sebagai panduan kepada pemain-pemain Industri, untuk mentransformasikan perniagaan mereka kepada Ekonomi Kitaran yang boleh memaksimumkan tempoh penggunaan barang-barang plastik ; dan
- (iv). Pada waktu yang sama, KASA akan meningkatkan kefahaman dan kesedaran Orang Awam dalam pengurusan buangan plastik domestik di dalam Media Sosial dan Program Kesedaran Kementerian.

10. Kelestarian Alam Sekitar adalah merupakan tanggung-jawab bersama Rakyat Malaysia. Agar kita dapat memastikan Bumi ini terus terpelihara dan segar untuk Generasi masa hadapan.

Sekian. Terima kasih.